

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab ini akan mengupas dan membincangkan hasil dapatan analisis data tentang perbandingan pencapaian pembelajaran Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan kelas POL. Fokus kajian ini adalah membuat perbandingan pencapaian antara pelajar yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan kelas POL.

Perbandingan telah dibuat berdasarkan keputusan peperiksaan PMR dan SPM, kemahiran menulis, penguasaan kemahiran membaca serta sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

Dalam bab ini juga pengkaji akan membincangkan dan mengemukakan cadangan-cadangan bagi menangani masalah-masalah yang dihadapi dalam pembelajaran Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan kelas POL.

## **5.1 Implikasi kajian adalah berdasarkan persoalan kajian**

### **5.1.1 Apakah tahap pencapaian pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dan di dalam kelas POL, terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil?**

#### **5.1.1.1 Dalam kelas biasa (PMR dan SPM)**

Tahap pencapaian pelajar dalam PMR pada keseluruhannya adalah memuaskan. Sebanyak lapan buah sekolah telah menjalankan kelas bahasa Tamil di dalam kelas biasa di daerah Muar di peringkat PMR. Dari lapan buah sekolah, hanya sebuah sekolah sahaja yang mendapat pencapaian 100% dua tahun berturut-turut iaitu SMK Bukit Pasir. Pada tahun 2005 pencapaian SMK Bukit Pasir dalam bahasa Tamil adalah 57.15% tetapi pada tahun 2006 dan 2007 SMK Bukit Pasir mencapai 100%.

Bagi SMK Tun Dr Ismail pula, pencapaian dalam PMR adalah sebaliknya. Pada tahun 2005, sekolah tersebut mendapat pencapaian 100%. Tetapi pencapaian sekolah berkenaan telah merosot kepada 75% pada tahun 2006 dan 50% pada tahun 2007. Dalam pada itu, pelajar yang mengambil Bahasa Tamil dalam PMR adalah 4 orang sahaja. Seharusnya pihak sekolah dan guru mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah berkenaan. Antara tindakan yang boleh diambil adalah seperti berikut.

- 1) mengadakan kelas tambahan Bahasa Tamil,
- 2) mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa pelajar sekurang-kurangnya 3 bulan sekali,
- 3) mengadakan sesi motivasi.
- 4) mengadakan teknik menjawab soalan Bahasa Tamil
- 5) menganalisis soalan tahun-tahun lepas.

Tahap pencapaian pelajar dalam SPM pada keseluruhannya adalah baik. Di peringkat SPM, lapan buah sekolah telah menjalani kelas bahasa Tamil. SMK Tun Mamat, SMK Bukit Pasir mendapat pencapaian 100% selama tiga tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2005 hingga 2007.

Pada Tahun 2006 kesemua sekolah kecuali SMK Sultan Alaudin mendapat pencapaian 100%. Pada tahun 2007 juga kesemua sekolah kecuali SMK Sagil dan SMK Tun Dr Ismail telah mendapat pencapaian 100%. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pencapaian 100% adalah atas usaha guru yang mengadakan kelas tambahan, bengkel dan menganalisis soalan lepas.

Kesemua sekolah yang menjalankan kelas bahasa Tamil dalam jadual waktu dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Kebiasaannya kawasan luar bandar dikatakan kurang mempunyai kemudahan pendidikan seperti kelas tuisyen, pusat sumber awam dan kemudahan pengangkutan. Walaupun kekurangan ini wujud, tetapi pelajar di sekolah-sekolah menengah yang

disenaraikan dalam kajian ini menunjukkan prestasi yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Tamil.

Secara keseluruhannya, pencapaian pelajar SPM lebih baik berbanding dengan pelajar PMR.

#### **5.1.1.2 Kelas POL (PMR dan SPM)**

Tahap pencapaian pelajar yang belajar di dalam kelas POL di peringkat PMR pada keseluruhannya adalah baik. SMK Convent, Sekolah Tinggi Muar mencapai pencapaian 100% selama tiga tahun berturut-turut. Pada tahun 2007 kesemua sekolah yang menjalankan kelas POL mendapat pencapaian 100%.

Di peringkat SPM pula tahap pencapaian juga adalah baik. Pada tahun 2005 daripada enam buah sekolah, empat buah sekolah telah mendapat pencapaian 100%. Pada tahun 2006 daripada 4 buah, tiga buah sekolah mendapat pencapaian 100%. Pada tahun 2007 kesemua sekolah mendapat pencapaian 100%.

Dari sekolah-sekolah yang menjalankan kelas Bahasa Tamil di luar jadual waktu (POL), tiga buah sekolah dikategorikan sebagai sekolah kawalan. Sekolah kawalan bermaksud, pelajar-pelajar sekolah berkenaan adalah dari kalangan pelajar yang mendapat keputusan 3A ke atas di peringkat UPSR dan 5A ke atas di

peringkat PMR. Kelebihan ini membantu sekolah berkenaan mendapat 100% dalam peperiksaan. Sekolah-sekolah berkenaan adalah, SMK Convent, Sekolah Tinggi Muar dan SMK (P) Sultan Abu Bakar.

### **5.1.2 Adakah kumpulan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dapat memperoleh prestasi yang baik berbanding dengan kumpulan pelajar yang diajar di dalam kelas POL?**

Secara keseluruhannya pelajar kelas POL mendapat prestasi yang lebih baik berbanding dengan pelajar kelas biasa. Berdasarkan soal selidik yang diberi 76% sampel kelas biasa menyatakan bahawa mereka tidak meluangkan masa untuk belajar Bahasa Tamil di rumah. Hal ini memberi gambaran kepada kita bahawa hanya 24% sampel sahaja yang meluangkan masa untuk belajar bahasa Tamil di rumah. Manakala bagi sampel kelas POL, 16% menyatakan bahawa mereka tidak meluangkan masa untuk belajar Bahasa Tamil di rumah. Ini bermaksud 84% sampel kelas POL sekurang-kurangnya meluangkan satu jam dalam seminggu untuk belajar bahasa Tamil di rumah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar kelas POL bersungguh-sungguh mempelajari Bahasa Tamil berbanding dengan pelajar kelas biasa.

Salah satu faktor yang menyebabkan prestasi kumpulan pelajar kelas POL lebih baik berbanding dengan kumpulan pelajar dalam jadual adalah kelas tuisyen. Hanya 6% sampel yang belajar di dalam kelas biasa menghadiri kelas tuisyen bahasa Tamil berbanding dengan 44% sampel yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas POL. Untuk mencapai prestasi yang baik, pelajar seharusnya

meluangkan masa untuk mengulangkaji sesuatu mata pelajaran. Bagi sampel yang belajar di dalam kelas biasa, peratus yang belajar sendiri adalah kurang. Seharusnya mereka boleh menggunakan kelas tuisyen untuk meningkatkan prestasi mereka di dalam mata pelajaran Bahasa Tamil.

### **5.1.3 Adakah tahap penguasaan kemahiran bahasa Tamil berbeza dalam kalangan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dan kelas POL ?**

#### **5.1.3.1 Kemahiran menulis**

Memang terdapat Perbezaan dalam penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar yang belajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL. Pengkaji telah memeriksa karangan yang diberikan kepada sampel secara holistik. Sampel kelas POL mencapai pencapaian yang lebih baik berbanding dengan sampel kelas biasa. Peratus kelulusan sampel kelas POL adalah 96%. Manakala peratus kelulusan sampel kelas biasa adalah 88%.

#### **5.1.3.2 Kemahiran membaca**

Dalam penguasaan kemahiran membaca juga sampel kelas POL menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding dengan sampel kelas biasa. Sampel-sampel kelas POL yang mendapat A,B,C,dan D adalah 100%. Manakala sampel kelas biasa yang mendapat A,B,C dan D adalah 92%.

#### **5.1.4 Adakah terdapat perbezaan dari segi sikap dalam kalangan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dan kelas POL yang mempengaruhi pencapaian pelajar?**

Persoalan kajian ini adalah berdasarkan soalselidik yang diberikan kepada para pelajar yang dipilih sebagai sampel. Soal selidik yang diberikan kepada pelajar mempunyai dua bahagian. Bahagian A iaitu soalan-soalan satu hingga 16 adalah berdasarkan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Bahagian B pula iaitu soalan-soalan 17 hingga 28 adalah berdasarkan sikap pelajar terhadap guru Bahasa Tamil.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan dari segi sikap dalam kalangan pelajar yang belajar bahasa Tamil di dalam kelas biasa dengan kelas POL mengikut analisis SPSS. Min 2.99 kelas biasa dan min 2.97 kelas POL membuktikan bahawa tiada perbezaan sikap dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Tamil di dalam kelas biasa dengan kelas POL yang mempengaruhi pencapaian pelajar. (jadual SPSS)

Bagi sikap pelajar terhadap guru pula terdapat perbezaan dalam kalangan pelajar yang belajar di dalam kelas biasa dengan pelajar kelas POL yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Min 1.79 luar jadual dan min 2.21 dalam jadual membuktikan keadaan ini. Perbezaan min menunjukkan kepada kita bahawa gaya pengajaran guru juga mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah. (jadual SPSS)

Sumbangan guru dalam kejayaan pelajar memang tidak boleh dinafikan. Tanpa seorang guru, seorang pelajar tidak boleh berjaya. Guru menjadi pendukung kejayaan pelajar. Kejayaan guru dapat dilihat dari segi keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru boleh mendidik pelajar sehingga mencapai prestasi baik jika pengajaran dan bimbingannya mejurus ke arah prestasi yang cemerlang.

Dalam pada itu, kajian yang dijalankan oleh Albaili (dalam Rasidi, 2004) terhadap 168 pelajar di universiti Arab Emiriah Bersatu dengan menggunakan "Learning and Study Stretgies Inventory" mendapati bahawa motivasi menjadi pengaruh dalam membezakan kumpulan pencapaian tinggi dan rendah. Motivasi dapat mengubah sikap negatif yang sedia ada pada pelajar untuk terus mencapai pencapaian yang baik.

## **5.4 Cadangan**

Dapatan-dapatan kajian ini membawa implikasi yang penting kepada pihak-pihak seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, guru-guru Bahasa Tamil, pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar.

### **5.4.1. Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kementerian Pelajaran Malaysia disarankan supaya menguatkuasakan undang-undang agar mata pelajaran Bahasa Tamil menjadi mata pelajaran wajib kepada semua pelajar India. Setiap pelajar India seharusnya diwajibkan mengambil Bahasa Tamil



sebagai salah satu mata pelajaran peperiksaan sekurang-kurangnya sehingga Tingkatan lima. Jika mata pelajaran diwajibkan, secara tidak langsung pelajar-pelajar India akan berusaha ke arah kecemerlangan dalam bahasa ibunda. Disebabkan tidak ada tindakan dari kerajaan dan pihak yang terlibat, jumlah pelajar yang mengambil Bahasa Tamil dalam peperiksaan awam menurun (lihat jadual 7 ). Jika perkara ini berterusan, pada satu hari nanti, mungkin tidak ada pelajar yang sanggup mempelajari bahasa Tamil di Malaysia.

Kini, dasar kerajaan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina dan Tamil, adalah, jika terdapat persetujuan lebih daripada 15 orang ibu bapa barulah kelas bahasa Tamil boleh dijalankan di sekolah. Jika pelajar yang ingin belajar Bahasa Tamil kurang daripada 15 orang dalam sesuatu tingkatan, pelajar dari tingkatan lain boleh bergabung supaya jumlah pelajar kelas berkenaan menjadi lebih dari 15 orang pelajar. Sebagai contohnya, apabila di tingkatan 1, 2 dan 3 masing-masing mempunyai 5 orang pelajar, maka pelajar ketiga-tiga tingkatan boleh bergabung menjadi sebuah kelas Bahasa Tamil. Bagi guru yang mengajar kelas ini yang mempunyai tiga jenis sukatan pelajaran dan buku teks yang berbeza, semestinya guru berkenaan itu akan menghadapi kesukaran dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan sempurna. Pihak kementerian seharusnya menukar dasar yang sedia ada agar setiap insan yang ingin belajar Bahasa ibunda diberi peluang untuk mempelajarinya tanpa gangguan.

Kementerian Pelajaran juga disaran menempatkan seorang pegawai Bahasa Tamil di setiap Pejabat Pelajaran Daerah. Penempatan pegawai Bahasa Tamil, akan dapat

membantu dalam pemantauan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di peringkat daerah.

Semasa memilih calon untuk mengikuti kursus KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah) dalam bidang Bahasa Tamil, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia disarankan supaya memilih calon-calon yang mempunyai kelulusan Bahasa Tamil di peringkat ijazah. Hal ini kerana, calon-calon kelulusan ijazah Bahasa Tamil akan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang bahasa Tamil berbanding calon-calon yang hanya mengambil Bahasa Tamil di peringkat SPM dan STPM. Pengetahuan yang luas dalam Bahasa Tamil akan membantu bakal guru-guru ini dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dengan sempurna dan berkesan.

Seperti mata pelajaran Sains dan Matematik, kementerian juga hendaklah memberikan komputer riba dan LCD kepada guru-guru Bahasa Tamil supaya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dapat dipertingkatkan lagi.

#### **5.4.2 Guru-guru**

Guru-guru Bahasa Tamil sewajarnya menjadi teladan kepada para pelajar. Setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran guru semestinya memupuk sikap positif terhadap pelajar-pelajar. Sumbangan guru ke arah kecemerlangan pelajar adalah faktor utama dalam menjamin kejayaan seseorang pelajar. Maka guru seharusnya berperanan

menyediakan peluang pembelajaran kepada pelajar, membantu menyelesaikan masalah dan menentukan hala tuju yang hendak ditujui oleh pelajar berkenaan. Seterusnya seseorang hendaklah bersedia menambah ilmu yang sedia ada dalam bidang Bahasa Tamil agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan pendidikan negara. Guru yang berpengetahuan luas dalam Bahasa Tamil akan membantu dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai kepada pelajar. Pendapat ini disokong oleh Lemlech (1984) bahawa jika seseorang guru berjaya menguasai teknik pengajaran, maka guru berkenaan akan berjaya dalam pengajarannya.

Pada era moden ini, seseorang guru sentiasa perlu mengikuti kursus yang dianjurkan oleh pihak Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri atau pihak yang berurusan secara langsung dan tidak langsung dengan sekolah. Pada masa guru mengikuti kursus, beliau hendaklah menyediakan bahan yang sesuai untuk pelajar yang berada di sekolah. Perkara ini akan memastikan bahawa waktu guru berkenaan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Pelajar juga dapat belajar dengan sendiri walaupun guru tidak ada di sekolah.

Di sekolah kita dapat lihat bahawa kebanyakan guru masih menggunakan cara tradisional dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Seharusnya pendekatan yang lebih canggih hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Penggunaan komputer riba, LCD dan internet dapat mengubah cara pemikiran pelajar dan dapat menambah minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.

Guru-guru juga perlu mengikuti kursus-kursus jangka pendek dalam bidang Bahasa Tamil bagi meningkatkan tahap profesionalisme. Mempelajari teknik-teknik baru dalam bidang pedagogi akan dapat membantu dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Guru Bahasa Tamil mempunyai satu tanggungjawab yang besar kepada anak murid mereka. Mereka hendaklah memberi penerangan kepada para pelajar tentang peluang pekerjaan yang akan mereka dapat jika belajar Bahasa Tamil. Sebagai manusia yang biasa, kita mengikuti sesuatu bidang sehingga ke universiti adalah untuk mendapatkan kerja dalam bidang yang sama. Jika bidang yang kita ceburi tidak ada nilai ekonomi maka pembelajaran tersebut akan menjadi sia-sia sahaja. Kini apabila kita belajar bahasa Tamil sehingga peringkat universiti, kita boleh menceburi banyak bidang pekerjaan. Antaranya adalah bidang pendidikan, persuratan, kewartawanan. Jika di Malaysia tidak dapat pekerjaan yang sesuai, para pelajar boleh mencari pekerjaan di luar negara seperti Singapura, Austerlia, Britain, Canada, Perancis. Peluang memang ada di mana-mana sahaja, persoalannya adalah adakah kita sanggup pergi ke negara-negara tersebut.

#### **5.4.3 Pihak sekolah**

Pengkaji menyarankan agar pihak sekolah hendaklah sentiasa prihatin terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah. Di kebanyakan sekolah, kelas bahasa Tamil masih tidak dapat dijalankan kerana masalah kekurangan pelajar dan

kekurangan guru Bahasa Tamil. Pihak sekolah hendaklah mengambil iktibar untuk mengadakan kelas Bahasa Tamil.

#### **5.4.4. Ibu bapa**

Ibu bapa merupakan insan yang sangat-sangat penting dalam menentukan kejayaan anak mereka. Ibu bapa seharusnya mengetahui tentang kepentingan pendidikan anak-anak mereka. Jika ibu bapa sendiri tidak berpelajaran maka adalah sukar bagi mereka untuk memantau perkembangan pelajaran anak-anak mereka. Kajian yang dijalankan oleh Mosteller dan Mognihan (1972) menyatakan bahawa jika ibu bapa pelajar hanya belajar di bawah gred 8, pelajar dapat markah rendah, berbanding ibu bapa yang belajar di kolej. Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu bapa sampel yang belajar di dalam kelas biasa 90% (bapa) dan 74% (ibu) adalah bawah SRP/PMR. Manakala bagi sampel luar jadual pula tahap pendidikan ibu bapa adalah (64%) bapa dan 74% (ibu). Dari sini buat kesimpulan bahawa tahap pendidikan bapa bagi sampel luar jadual lebih baik berbanding sampel dalam jadual. Bagi pendidikan ibu pula kedua-dua kumpulan sampel menunjukkan tahap pendidikan yang sama. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa jika pendidikan ibu bapa tinggi maka tahap pencapaian anaknya juga tinggi. Secara keseluruhannya, tahap pencapaian sampel kelas POL lebih baik berbanding sampel dalam kelas biasa.

Ibu bapa juga perlu meningkatkan sosio ekonomi mereka. Sosial ekonomi mempengaruhi pencapaian pelajar di Malaysia. Kenyataan ini disokong oleh Leong (1990) menerusi kajian beliau. Hussein(1979) telah menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar Malaysia pada peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) mendapati bahawa pelajar-pelajar dari kumpulan sosio ekonomi yang tinggi menunjukkan sikap positif dalam pembelajaran di sekolah. Sebaliknya pelajar-pelajar yang datang dari sosio ekonomi rendah menunjukkan prestasi yang rendah.

Dalam kajian ini, perkara yang dinyatakan di atas terbukti apabila jumlah pendapatan keluarga sampel kelas biasa darjah 70% adalah bawah RM 1000 manakala sampel kelas POL pula 58% sahaja. 42% sampel luar jadual menyatakan bahawa pendapatan isi rumah mereka lebih dari RM1000. Manakala hanya 30% pendapatan isi rumah sampel dalam jadual lebih dari RM1000.

Bagi menjalankan kelas Bahasa Tamil di sekolah, sekurang-kurangnya memerlukan persetujuan 15 orang ibu bapa. Hak ini harus digunakan oleh ibu pada dengan sebaik mungkin. Ibu bapa juga diminta sentiasa memberi semangat kepada anak-anak mereka agar mereka bersungguh-sungguh mempelajari Bahasa Tamil. Buku-buku yang berkaitan dengan Bahasa Tamil boleh dihadiahkan kepada anak mereka sebagai tanda penghargaan.

#### **5.4.5 Pelajar-pelajar**

Kesediaan pelajar untuk belajar adalah sangat penting bagi menjamin kejayaan mereka. Walaupun semua kemudahan disediakan tetapi pelajar sendiri tidak mengubah fikiran untuk mengorak langkah ke menara gading maka usaha yang dibuat oleh pelbagai pihak akan menjadi sia-sia sahaja.

Fitt (1957) dalam kajian di Auckland, New Zealand mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar. Jika sikap pelajar positif terhadap sesuatu mata pelajaran maka pencapaian mata pelajaran tersebut juga adalah baik. Sebaliknya jika pelajar bersikap negatif. Pelajar hendaklah berdikari dan menanam minat terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil agar mereka boleh mencapai pencapaian yang cemerlang dalam Bahasa Tamil.

#### **5.5 Cadangan untuk kajian selanjutnya**

Pengkaji berpendapat untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kajian perbandingan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Tamil dalam dan luar jadual waktu adalah dicadangkan supaya kajian-kajian seterusnya memberi pertimbangan terhadap aspek-aspek berikut:

- a) kajian perbandingan antara daerah di negeri Johor.
- b) kajian perbandingan antara negeri-negeri di Malaysia
- c) kajian yang meliputi peringkat kebangsaan

## 5.6 Kesimpulan

Kini, rakyat Malaysia keturunan India, mula sedar mengenai kepentingan mempelajari Bahasa Tamil. Kesedaran ini wujud kerana mesyarakat India berpendapat bahawa Bahasa Tamil menjadi bahasa perpaduan dalam kalangan masyarakat India yang mempunyai pelbagai dialek bahasa. Selain itu, masyarakat India juga sedar bahawa Bahasa Tamil adalah bahasa yang kaya dengan pelbagai cabang ilmu.

Justeru, kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pelajaran perlu mengatur langkah bagi mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah dan menengah. Semua pelajar keturunan India harus diberi peluang untuk belajar Bahasa Tamil.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah sama ada dalam jadual waktu atau luar jadual waktu hendaklah dimantapkan lagi. Walaupun kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar yang belajar luar jadual waktu lebih baik berbanding pelajar yang belajar dalam jadual, pelbagai faktor yang berkait rapat seperti sekolah kawalan, kekurangan murid perlu diambil perhatian semasa membuat penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Kajian keseluruhan harus dibuat sebelum membuat keputusan.



Dalam pada itu, kita perlu akur bahawa memang wujud kelebihan dan kekurangan dalam pelaksanaan Bahasa Tamil di sekolah menengah. Bagi menjamin Bahasa Tamil terus dipelajari dan disanjung oleh rakyat Malaysia terutamanya masyarakat India, semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung harus berganding bahu dalam usaha memartabatkan Bahasa Tamil di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, setiap pelajar India mesti berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam Bahasa Tamil. Mereka harus menguasai kemahiran membaca dan menulis. Dalam Bahasa Tamil proses penguasaan ini seharusnya berlaku tanpa halangan bagi memastikan kejayaan dapat dicapai dengan sempurna. Semasa proses penguasaan kemahiran berlaku, perbandingan antara diri sendiri dengan pihak lain perlu dilaksanakan agar keputusan yang diperolehi dapat menilai pencapaian diri sendiri. Pelajar yang menyedari kesilapan yang dilakukan semestinya menyedari kesilapan tersebut dan membetulkannya supaya masa depan lebih cerah dan terjamin.